

Banjir di utara beransur pulih

ALOR SETAR - Keadaan banjir di daerah Kota Setar semakin buruk dengan lebih ramai penduduk di daerah itu dipindahkan sehingga petang ini, namun jumlah mangsa banjir di Kedah keseluruhannya berkurangan.



Banjir

Jumlah mangsa banjir di daerah Kubang Pasu pula tidak berubah manakala di daerah Pokok Sena dan Pendang semakin berkurangan.

Sehingga pukul 4 petang semalam, seramai 31,712 orang daripada 7,856 keluarga masih berada di 83 pusat pemindahan di empat daerah itu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara ketika dihubungi berkata, di daerah Kota Setar, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan meningkat kepada 21,116 orang dengan jumlah keluarga 5,060 berbanding 21,058 orang semalam.

Bilangan mangsa di Kubang Pasu pula masih kekal 9,531 orang daripada 2,591 keluarga manakala jumlah mangsa di daerah Pokok Sena berkurangan kepada 1,003 orang daripada 143 keluarga dan di Pendang seramai 242 orang melibatkan 62 keluarga.

Beliau berkata, daripada 83 pusat pemindahan yang masih dibuka, 45 ialah di daerah Kota Setar, 34 di Kubang Pasu, tiga di Pokok Sena dan satu di Pendang.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Pelajaran Kedah berkata, kira-kira 30 sekolah di daerah Kota Setar masih ditutup kerana dinaiki air dan ada



juga yang dijadikan tempat penempatan banjir.

Sehingga petang semalam, hanya satu jalan yang masih ditutup kepada semua kenderaan iaitu Jalan Jitra-Sungai Korok.

Di **Kangar**, keadaan banjir di Perlis semakin surut tetapi 8,645 mangsa daripada 1,217 keluarga masih lagi ditempatkan di lebih 30 pusat pemindahan sehingga pukul 1.30 tengah hari semalam.

Cuti hujung minggu semalam memberi peluang kepada mangsa-mangsa banjir yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing untuk membersihkan rumah akibat banjir. - Bernama



ORANG RAMAI berebut-rebut membeli pakaian lelong dengan diskaun harga sehingga 40 peratus di Jitra semalam.

Peniaga lelong barang banjir

Oleh SHAH NIZAM OMAR
shahnizam.omar@kosmo.com.my

JITRA - Jualan murah sempena banjir surut!

Itu yang dilakukan oleh kebanyakan peniaga di sekitar Pekan Jitra Dua di sini apabila mereka melelong pelbagai jenis barang yang terjejas akibat banjir dengan harga murah.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, kebanyakan peniaga menjual pelbagai jenis ba-

rangan termasuk pakaian harian, tudung dan lain-lain keperluan dengan harga yang sangat rendah.

Lebih menarik, terdapat peniaga yang menjual barang-barang serendah 50 sen bagi menarik kedatangan pelanggan.

Peniaga kain, Lim Kheng Seng berkata, dia mengadakan jualan lelong untuk menghabiskan pelbagai stok pakaian di kedainya yang rosak akibat banjir.

"Saya mula melelong sebahagian pakaian yang terkena banjir di kedai ini sejak tiga hari lalu selepas banjir surut," katanya.

Menurutnya, banjir menyebabkan perniagaannya mengalami kerugian kira-kira RM30,000.

"Lantaran tak tahan menanggung rugi, saya terpaksa jual pelbagai jenis pakaian dengan potongan harga 40 peratus," katanya lagi.